

BAB 1

PEMBENTUKAN PERADABAN JEPUN

1.1. PENGENALAN

1.1.1. Geografi Negara Jepun

Negara Jepun adalah merupakan sebuah kepulauan yang terletak di timur benua Asia. Kepulauan Jepun ini mengandungi empat pulau utama iaitu Hokkaido, Honshu, Shikoku dan Kyushu yang menjadi tumpuan penduduk Jepun (Ganley A.C, 1989:4) dan empat ribu pulau-pulau kecil. Kepulauan Jepun memanjang dari hujung sebelah utara sehingga hujung sebelah selatan dan mempunyai jarak sepanjang lebih kurang 3000 kilometer.

Kepulauan Jepun ini terletak di garisan latitud $45^{\circ} 33'$ utara dan $20^{\circ} 25'$ selatan, di garisan longitud $122^{\circ} 56'$ timur dan $153^{\circ} 59'$ timur. Kepulauan ini mengalami iklim hawa sederhana dengan empat musim iaitu dari Julai ke September adalah musim panas, Oktober hingga Disember adalah musim gugur, Januari hingga Mac adalah musim bunga. Musim pengajian bagi semua sekolah dan pusat pengajian tinggi akan bermula pada

:

musim bunga iaitu pada bulan April yang terkenal dengan musim bunga sakura yang berkembang.

1.1.2. Topografi

Kepulauan Jepun ini terbentuk kesan daripada aktiviti gunung berapi yang terletak di lingkungan gunung berapi aktif Asia Pasifik (Timur Jauh). Oleh yang demikian terdapat banyaknya gunung berapi dan kawasan bergunung-ganang yang terbentuk daripada aktiviti gunung berapi di negara Jepun. Kawasan pegunungan ini meliputi kawasan yang luas sehingga ke pantai negara ini yang menyebabkan kawasan tanah rata sangat sedikit. Kawasan tanah rata yang membenarkan aktiviti manusia hanya 30 peratus sahaja dan di kawasan yang kecil inilah orang-orang Jepun tinggal dan menjalankan aktiviti kehidupan.

Manakala di bahagian tengah pulau Honshu pula terdapat banyak gunung yang tinggi sehingga mencecah 2000 meter. Melalui kawasan bergunung-ganang inilah mengalir sungai-sungai yang pendek dan deras. Contohnya sungai yang terpanjang di Jepun iaitu sungai Shinano. Panjang sungai ini ialah 370 kilometer sahaja. Pada masa dahulu oleh kerana sungai-sungai di Jepun mengalir dengan deras maka apabila hujan lebat sering terjadi banjir besar. tetapi masalah ini dapat di atasi dengan pembinaan sistem pengairan untuk pertanian dan juga pembinaan empangan untuk pengeluaran tenaga elektrik bagi menampung kepesatan industri yang semakin berkembang. Terdapat juga tempat-tempat pelancongan yang indah seperti air terjun di Nikko, tasik gunung di Hakone yang

merupakan kesan daripada aktiviti gunung berapi. Gunung yang terkenal dan tertinggi di Jepun adalah gunung Fuji dengan ketinggian 12,461 meter.

1.2. Asal Usul Negara Jepun dan Orang Jepun

Nihon atau *Nippon* (日本) adalah nama negara Jepun dalam bahasa Jepun yang bermakna “*Tanah Matahari Terbit*” (Welty P.T,1984:263) yang juga disebut *Yamato* dalam catatan kuno. Pada kurun ke 7, buat kali pertamanya nama *Nihon* ini digunakan oleh para cendekiawan Korea yang datang ke negara Jepun. Pada zaman Meiji (1868~1926) dan zaman Taisho (1912~1926) nama tersebut diubah kepada *Nippon* tetapi walau bagaimanapun selepas tamatnya Perang Dunia Kedua istilah *Nihon* digunakan semula dengan meluas.

Nama kepulauan Jepun ini mulai dicatat dalam sejarah negara China. Catatan ini menyebut bahawa terdapatnya beberapa unit politik yang bergiat di kepulauan tersebut. Pada AD 82, catatan terawal tentang negara Jepun menyebut tentang orang *Wa* (倭) yang dikatakan tinggal di pulau-pulau seberang laut dari Loulang, sebuah pengkalan tentera China di utara semenanjung Korea (*The History of Han* dlm. Takeuchi, 1999:2). Mengikut catatan kedua dalam *The History Of later Han* pada 445 (Takeuchi, 1999:2), maharaja negeri China iaitu maharaja Guangwu telah menghadiahkan sebuah mohor dan riben kepada pemerintah *Wa* wilayah *Na*, yang dikatakan terletak di utara Kyushu. Mohor yang tertulis “*Raja wilayah Na dalam negara Wa di bawah naungan Dinasti Han*” yang

disahkan kesahihannya telah dijumpai dekat Shikanoshima di Fukuoka wilayah Kyushu (Imamura 1996:223).

Beberapa kurun kemudian ada satu catatan mengenai negara Jepun yang menyebut nama *Yamatai* yang mungkin merupakan salah satu daripada beberapa kerajaan atau unit politik yang terdapat di pulau Jepun pada ketika itu. Negara *Yamatai* yang diperintah oleh *Himiko* telah menakluki semua atau sebahagian besar unit-unit politik di pulau Jepun lalu membentuk sebuah negara. Juga terdapat catatan mengenai perilaku orang *Wa* ketika apabila memberi hormat. *“Apabila orang yang berkedudukan rendah bertemu dengan orang berkedudukan tinggi dalam perjalanan, mereka akan berhenti di tepi jalan. Semasa memberi salam atau menyampaikan sesuatu pesanan, mereka akan samada bercangkung atau melutut dengan kedua-dua tangan diletakkan di tanah. Ini cara mereka menunjukkan hormat. Apabila menjawab mereka mengatakan “ah” yang bermaksud “ya”* (History of the kingdom of Wei, dlm. Takeuchi 1999:3).

Terdapat 3 teori tentang asal usul orang Jepun iaitu a) berasal daripada orang Ainu (proto-caucasoid), b) orang Mongoloid (China-Mongolia), dan c) orang Nusantara (Asia Pasifik).

1.2.1. Penduduk Ainu

Mengikut sejarah orang Ainu telah menduduki negara Jepun lebih awal daripada orang Mongoloid iaitu 5000 tahun lebih awal. Pada abad ke 8 apabila kemasukan orang

Mongoloid bertambah pesat telah menyebabkan orang Ainu ini berpindah ke utara Hokkaido (F.O. Reischauer 1972:10). Walau bagaimanapun orang Ainu dengan perlahan-lahan telah diserap ke dalam masyarakat Jepun. Orang Ainu ini pada masa dahulu merupakan masyarakat primitif yang hidup dengan memburu dan memungut makanan.

Kini orang Ainu mendapat perhatian daripada kerajaan Jepun untuk memastikan kumpulan masyarakat ini tidak terpinggir daripada arus pembangunan yang berlaku di negara Jepun. Usaha-usaha telah dijalankan untuk memperkenalkan budaya dan tradisi orang Ainu ke peringkat dalam negara dan juga antarabangsa. Walau bagaimanapun adalah dipercayai bahawa orang Ainu ini bukan merupakan keturunan orang Jepun moden kerana perbezaan dari segi bentuk fizikal, cara hidup dan bahasa yang mereka tutur.

1.2.2. Orang Mongoloid

Migrasi orang Mongoloid ini bermula dari benua Asia melalui negara China dan Korea ke pulau paling selatan iaitu pulau Kyushu dan dari sini mereka berpindah ke pulau-pulau Honshu, Shikoku dan Hokkaido. Orang Mongoloid ini adalah dipercayai - usul keturunan orang Jepun moden sekarang ini yang merupakan kumpulan terbesar penduduk Jepun. Ini berdasarkan kepada persamaan yang didapati pada rupa bentuk fizikal dan keupayaan mereka menyerap cara hidup dan kebudayaan orang Cina. Selain daripada orang Cina orang Mongoloid ini juga mempunyai pertalian rapat dengan orang

:

Vietnam, Thailand, Myanmar dan lain-lain. Proses penyerapan yang berlaku di antara orang Mongoloid ini dengan orang Ainu begitu juga di antara penghijrah dari Korea.

1.2.3. Pasifik Selatan, Melayu Nusantara

Ada satu teori yang mengatakan bahwa orang Jepun berasal daripada orang Nusantara. Iaitu dari kalangan orang Polynesia yang merupakan pelayar yang mahir. Mengikut teori kemungkinan orang Polynesia ini telah belayar sehingga ke negara Jepun. Tetapi memandangkan keadaan rupa bentuk fizikal dan struktur bahasa di antara kedua-dua keturunan orang ini, adalah sukar untuk menentukan dengan jelas bahawa orang polynesia inilah asal keturunan orang Jepun.

1.3. Pembinaan Peradaban Jepun Menerusi Bahasa Jepun

1.3.1. Teori-Teori Asal Usul Bahasa Jepun

Terdapat 3 teori utama tentang asal-usul bahasa Jepun yang diperbincangkan oleh para linguistik daripada barat dan juga Jepun.

1. Bahasa Jepun adalah bahasa Altaic yang mempunyai kaitan dengan bahasa Korea, Mongolia, Turki dan lain-lain.

2. Bahasa Jepun adalah bahasa Austronesia yang mempunyai kaitan dengan bahasa Papua, bahasa Melayu dan bahasa-bahasa pasifik yang lain.
3. Bahasa Jepun adalah bahasa di sekitar Asia Tenggara yang mempunyai kaitan dengan bahasa Vietnam, Myanmar, Tibet dan Tamil.

Its often conveniently assumed, perhaps as the least unlikely hypothesis, that Japanese in this widest (controversial) perspective is an Altaic language on an Austronesian substratum.

(Lewin 1976:406 dlm. Takeuchi 1999:5)

Walau bagaimanapun bahasa Jepun dipercayai berasal daripada bahasa Altaic di dalam substratum Austronesia. Ini adalah kerana orang Yayoi adalah penghijrah daripada semenanjung Korea dan membawa bersama mereka bahasa Altaic. Bahasa ini kemudian bercampur dengan bahasa yang sudah pun ada di kepulauan Jepun yang kemungkinannya berasal daripada bahasa Austronesia.

1.3.1.1. Struktur Bahasa Jepun

Bahasa Jepun adalah merupakan bahasa dwi-sukatan (di-syllable language) di mana kebanyakan daripada perkataannya terbentuk daripada dua sukatan dan bagi tiap-tiap sukatan mesti mengandungi satu konsonan dan satu vokal yang dipanggil sebagai sistem CV (CV syllabic system). Bahasa Jepun tidak mempunyai sistem tiga sukatan CVC dan sekiranya konsonan tidak diikuti dengan vokal maka ianya dipanggil sebagai syllable tunggal (single syllable). Contohnya perkataan 'shinbun' (suratkhabar), ia mengandungi empat syllable iaitu /shi/ + /n/ + /bu/ + /n/ di mana sukatan /n/ adalah

sukatan tunggal. Sistem yang sama ini juga digunakan dalam penulisan puisi Jepun dahulu dan sekarang.

1.3.1.2. Perbendaharaan Kata

Beberapa jenis perbendaharaan kata didapati dalam bahasa Jepun. Penjenisan ini adalah mengikut dari mana perbendaharaan kata itu diperolehi. Dari awal peradaban Jepun sehinggalah ke hari ini bahasa Jepun telah dan masih menerima perkataan-perkataan baru sebagai suatu proses untuk menimbun tambah khazanah bahasa mereka.

Perbendaharaan kata yang ditulis dengan tulisan kanji adalah disebut sebagai *Kango* (漢語) yang menggunakan sistem bunyi bahasa China. Manakala perbendaharaan kata yang berasal daripada negara Jepun sendiri dikenali sebagai *Wago* (和語) yang menggunakan atau tidak kanji, tetapi menggunakan bunyi bahasa Jepun. Ada juga mengelarkan perbendaharaan kata sebagai *Yamatokotoba* – bahasa Yamato. Bahasa-bahasa Eropah dan bahasa-bahasa lain yang dipinjam ke dalam bahasa Jepun ini dikenali sebagai *Gairaigo* (外来語)。 Terdapat juga perbendaharaan kata yang dicipta dengan menggabungkan dua jenis perbendaharaan kata yang dipanggil *konshuugo* (混種語) di mana dengan menggabungkan satu perbendaharaan *gairaigo* dan satu *kango* seperti *スナップ写真* di mana (*スナップ* (*gairaigo*) *写真*(*kango*) dan *日曜日* di mana *日*(*wago*) *曜* (*kango*)*日*(*wago*). (Fumio Tamamura 1992:7).

Tidak dapat dinafikan bahawa perbendaharaan kata bahasa Jepun telah diperkayakan lagi dengan penerimaan perbendaharaan kata asing dalam bahasa Jepun. Selain daripada negara China, Jepun juga mengimport perbendaharaan kata daripada Eropah terutamanya dari bahasa Belanda, Inggeris, Jerman dan juga mungkin Russia. Terdapat penciptaan perkataan-perkataan baru dengan menggabungkan perkataan tersebut dengan jenis perbendaharaan kata yang lain.

1.3.1.3. Peminjaman Tulisan *Kanji* (*Sinograms*)

Kanji (漢字) atau *sinograms* telah dicipta pada zaman dinasti Kang di negara China. Sebab itu 漢 (kan) yang bermaksud dinasti Kang dan 字 (ji) ertinya huruf atau tulisan. Tulisan kanji ini tergolong dalam huruf yang menerangkan sukukata di mana satu huruf kanji membawa satu sukukata dalam bahasa China. Bahasa China adalah bahasa yang berdasarkan kepada satu sukukata (*monosyllable language*), maka satu kanji untuk satu sukukata memang sesuai digunakan dalam bahasa China. Satu kanji akan membawa 3 fungsi iaitu bunyi, makna dan bentuknya. Misalnya, kanji /山/ bunyinya - /shang/, maknanya - /gunung/ dan bentuknya - /山/.

Penggunaan tulisan kanji ini tersebar keluar dari negara China sehingga ke Korea, Vietnam, Jepun dan lain-lain. Pada awalnya kanji ini masuk ke negara Jepun melalui semenanjung Korea kerana pada ketika itu negara Jepun telah mengadakan hubungan diplomatik dengan negara Korea. Pada kurun ke-3, kemasukan budaya China melalui Korea banyak sekali ke negara Jepun dan salah satu darinya adalah tulisan kanji

ini. Ini dapat dilihat daripada penemuan arkeologi di beberapa tempat di Jepun iaitu lebih awal daripada teks undang-undang *Kojiki* dan *Nihonshoki*.

Bukti awal menunjukkan kanji ini tiba di negara Jepun adalah menerusi penemuan arkeologi berupa wang syilling kurun pertama yang mempunyai tulisan kanji di atasnya, pedang dan cermin dengan tulisan kanji serta tarikh dari kurun ke 3 dan mungkin awal lagi (Seeley 1991:9 dlm. Takeuchi 1996:6) yang berasal daripada negeri China. Penemuan balang abu mayat (*urn*) yang ditemui di Katabe, wilayah Mie, ada tertulisnya tulisan kanji yang bertarikh separuh pertama kurun ke 4 adalah merupakan tulisan kanji yang pertama ditulis di Jepun (Japan Foundation May 1996 dlm. Takeuchi 1999:6)

Kefahaman terawal tentang fungsi tulisan di Jepun adalah tulisan kanji sebanyak 115 huruf pada sebilah pedang di wilayah Saitama yang boleh dijejaki pada tahun 471 atau 531 (Takeuchi 1999:7) yang kemungkinan besar adalah hasil kerja tangan penghijrah Korea. Selain daripada itu, tulisan-tulisan kanji terawal ini dapat ditemui ditulis atas kepingan-kepingan kayu (*mokkan*) dan juga tag-tag nama barangan dan jenis barangan, wilayah, kampung, pemilik dan tarikh ada tertera di atas kepingan kayu tersebut yang digunakan dalam perniagaan dan perdagangan.

Peraturan cukai telah membuatkan pengiriman barangan dari wilayah-wilayah ke ibu kota mesti ditag dengan nama barangan, wilayah, daerah, kampung, pengirim dan tarikh. Nama-nama komoditi ini ditulis dengan seragamnya di seluruh negara dan

menjadikan penggunaan kanji secara *'first-hand'* di Jepun. Ini dilakukan dengan mengharmonikan perhubungan semantik di antara bahasa Jepun dengan bahasa China untuk menentukan maknanya. Misalnya perkataan 'abalone' – disebut /awabi/ dan dipadankan maknanya dengan kanji bahasa China iaitu 鮑. Terdapat juga penamaan ini dilakukan dengan mengambil maknanya sahaja tidak bunyinya. Misalnya, sejenis ikan bernama 'ayu' yang hanya hidup setahun sahaja ditulis dengan 年(tahun) dan 魚(ikan) di mana dibunyikan /ayu/ dengan bunyi bahasa Jepun (*kunyomi*). Tetapi kanji yang sebenarnya ialah 鮎 dalam bahasa China.

Nama-nama barangan yang tidak termasuk dalam senarai rasmi perniagaan, ditulis dengan pelbagai cara. Misalnya, ikan yu (*same* – 鮫) ditulis dalam bahasa China, tetapi ditulis dengan kanji-kanji yang berbeza-beza, 佐(sa)米(me), 左(sa)米(me), 佐(sa)目(me), 左(sa)目(me), 沙(sa)目(me), 沙(sa)米(me). Tetapi 佐(sa) ini bermakna 'timbangan ketua', dan 米(me) ini maknanya 'beras'. Manakala 左(sa) maknanya adalah kiri, 目(me) bermakna mata, 沙(sa) bererti pasir. Dalam contoh-contoh di atas, kanji-kanji itu digunakan untuk bunyinya sahaja bukan maknanya. Kanji yang digunakan secara fonetik (*phonetically*) diistilahkan sebagai *phonograms* atau *manyogana* dalam bahasa Jepun kerana penggunaannya yang meluas dalam antologi puisi *Manyoshu*.

1.3.1.4. Penciptaan Tulisan *Kana*

Perkembangan tulisan *kana* ini didorong oleh pembaharuan yang hendak dilakukan oleh pihak kerajaan dan ideologi agama Buddha lebih daripada dorongan

individu biasanya oleh kaum wanita istana yang mencari satu medium untuk meluahkan perasaan estitika melalui dairi (*nikki*), cerita roman (*monogatari*) dan prosa (*wabun*). Tulisan kana ini adalah suatu tranformasi kanji (*sinograms*) yang digunakan sebagai phonogram ke dalam suatu bentuk yang mudah dan senang untuk ditulis. Penciptaan tulisan kana ini bermula pada tahun 750 yang mengikut dua cara. Pertama, secara ringkasan (*abbreviation*) di mana kanji yang digunakan sebagai phonogram itu diringkaskan bentuknya. Sebagai contoh, penciptaan huruf /ta/ adalah dengan meringkaskan kanji 多 kepada 夕 (ta). Tulisan ini dikenali sebagai Katakana. Manakala cara kedua, adalah dipermudahkan (*simplification*) di mana sesuatu kanji itu dipermudahkan bentuknya sehingga menjadi satu huruf kana yang baru. Sebagai contoh, penciptaan huruf /a/ adalah dengan dipermudahkan kanji 安 kepada あ (a). Huruf-huruf yang dicipta secara begini dikenali sebagai huruf Hiragana (Takeuchi 1999:10)

Katakana digunakan untuk menulis huraian (*glosses*), nota (*notes*) dan komen (*commentaries*) di dalam kitab-kitab suci agama Buddha dan teks klasik China. Hiragana pula digunakan untuk komunikasi harian dalam bahasa dan puisi.

“However, as the development of kana eased the writing of the vernacular, it may have become common to compose waka without even reading the poem aloud before committing it to writing. Attention was thereby directed to the written waka, which thank to kana the reader could easily retrieve in its original correct form”.

(Takeuchi 1999:15)

Setelah terciptanya tulisan kana ini terutama hiragana hasil-hasil sastra yang berbentuk *waka* (puisi) banyak terhasil. Lebih-lebih lagi tulisan ini memudahkan penulisan dan kefahaman puisi tersebut. Di samping itu huraian-huraian, nota-nota dan komen-komen yang diberikan dalam kitab-kitab Buddha dan teks klasik China telah memudahkan dan menggalakkan pembacaan dan menambahkan lagi kefahaman para pembacanya terhadap kitab dari teks tersebut.

Fungsi kedua-dua tulisan kana ini sering berubah. Kini Katakana digunakan sebagai sistem penanda, untuk menulis perkataan pinjaman daripada barat dan untuk memperjelaskan (*highlighted*) sesuatu perkataan dalam ayat. Hiragana pula digunakan sebagai huruf atau tulisan utama dalam sistem perbendaharaan dan nahu bahasa Jepun.

1.3.2. Peranan Bahasa Jepun Dalam Peningkatan Peradaban Jepun Awal

1.3.2.1. Yamato dan Unsur-Unsur Tamadun China

Fakta yang penting dalam pembinaan peradaban Jepun adalah perhubungannya dengan negara China dari 200 AD dan seterusnya. Negara China telah menjadikan negara Jepun sebagai negara yang dilindunginya. Keakraban kedua-dua negara ini telah memperlihatkan aktiviti peniruan di pihak negara Jepun dari segi bentuk pentadbiran kerajaan, agama Buddha dan sistem tulisan daripada negara China. Walaupun budaya Jepun berasaskan budaya penghijrah awal pada kurun ke 3 tetapi bahan-bahannya disebatikan dengan elemen-elemen kebudayaan China.

a) Politik

"According to Hou Han Shu (The History Of Later Han) compiled about 445), the Chinese emperor Guangwu presented a seal and a ribbon to the Wa ruler of Na, thought to have been located in north Kyushu".

. (Takeuchi 1999:2)

Penyataan di atas menunjukkan bahawa perhubungan antara negara Jepun dengan negara China telah terjalin sejak dari awal lagi. Masyarakat negara China pada ketika itu seperti diketahui telah pun menjadi sebuah masyarakat yang mempunyai ketamadunan yang tinggi. Lambat laun perhubungan ini akan mendatangkan banyak kebaikan kepada pihak negara Jepun. Sedikit sebanyak cara atau gaya orang China dan Korea mentadbir negara dipelajari oleh maharaja-maharaja yang memerintah Jepun. Manakala sistem bahasa dan tulisan China telah digunakan di dalam penulisan kronikel sejarah, kesusasteraan dan undang-undang negara Jepun.

Mengikut Kronikel Jepun pada awal pembentukan peradaban negara Jepun, pihak istana Yamato telah menstrukturkan sistem politiknya berdasarkan kepada model istana Korea. Ini adalah kerana negara Yamato ini pernah menawan dan memerintah sebahagian daripada kerajaan Korea pada ketika itu. Kurniaan pangkat dan gelaran kepada pegawai istana dan pihak aristokrat wilayah juga menggunakan istilah atau bahasa istana Korea.

Putera Shotoku telah melakukan banyak pembaharuan dan di antaranya ialah pengenalan *Perlembagaan (undang-undang) Tujuh Belas Artikel* pada 604 AD yang merupakan peniruan perlembagaan kerajaan China dengan menggunakan sistem tulisan China dan gaya bahasa China.

Pada 645 AD, satu lagi pembaharuan dari segi politik terjadi iaitu dengan tertulisnya *Pembaharuan Perlembagaan Taika*. Perlembagaan ini yang ditulis oleh para pelajar Konfusi dalam istana Yamato. Ia merupakan intipati kepada kerajaan dan sistem imperial Jepun.

Situasi di atas dapat dilihat bahawa pengaruh negara China terhadap sistem politik negara Jepun berlaku apabila terjalinnya perhubungan di antara negara Jepun dan negara China serta Korea. Pembaharuan-pembaharuan perlembagaan ini telah membawa kepada pengenalan struktur kerajaan yang kompleks yang berasaskan kepada kerajaan negara China dan Korea.

b) Agama Buddha

Agama Buddha mula diperkenalkan di negara Jepun pada pertengahan kurun ke -6 tetapi ianya berkembang dengan pesatnya pada kurun ke -7. Agama Buddha ini masuk ke negara Jepun melalui semenanjung Korea. Pada 552, istana Paekche (kerajaan Korea purba) telah menghantar sebuah imej Buddha, beberapa kitab suci agama Buddha dan seorang wakil Buddha. Dengan perhubungan ini kerajaan Jepun telah mengimport tiga unsur penting daripada Korea iaitu tulisan, Konfusisme dan Buddhisme . Tiga unsur ini telah berjaya membawa perubahan kepada budaya orang Jepun.

Agama Buddha berkembang dengan pesatnya pada kurun ke 7 kerana telah mendapat perhatian dan minat yang penuh daripada Putera Shotoku yang merupakan

pemangku raja kerajaan Yamato. Baginda bukan sahaja disebut sebagai pengasas agama Buddha di Jepun tetapi juga digelar sebagai wali pertama agama Buddha. Baginda juga merupakan seorang penaung yang gigih dalam memperkembangkan pendidikan dan menggunakan pengaruh agama Buddha untuk memperteguhkan pengetahuan baginda tentang dunia.

Memandangkan pengaruh agama Buddha ini semakin hari semakin meningkat maka pihak kerajaan pada ketika itu telah menghantar para pelajar ke negara China untuk menimba dan mendalami lagi ajaran agama Buddha. Para pelajar ini apabila balik semula ke Jepun telah menggunakan kepakaran mereka untuk mempengaruhi pihak istana untuk melakukan perubahan-perubahan dalam sistem pemerintahan negara. Para pelajar ini diberikan kepercayaan untuk merangka, menulis dan menyiapkan pembaharuan-pembaharuan itu. Maka lahirlah *Pembaharuan Taika* yang merangkumi aspek-aspek politik, pentadbiran, kebudayaan dan pelajaran. Perlaksanaan pembaharuan Taika ini telah mempercepatkan lagi pengaliran masuk idea-idea, pemikiran dan nilai-nilai moral agama Buddha dan Kong Fu Tze ke negara Jepun dengan menggunakan struktur bahasa dan tulisan China.

1.3.2.2. Zaman Yayoi, Nara dan Heian

Zaman Yayoi dalam peradaban Jepun adalah merupakan zaman yang penuh perubahan ke arah permodenan pada ketika itu. Orang Yayoi adalah penghijrah yang berasal dari semenanjung Korea dan membawa bersama mereka bahasa Altaic. Bahasa

ini kemudian bergabung dengan bahasa yang telah pun ada iaitu bahasa Austronesian yang ada kaitannya dengan bahasa Papua, bahasa Melayu dan bahasa-bahasa Pasifik.

Oleh kerana kedudukan kepulauan Jepun agak terpinggir maka bahasa yang bercampur itu menjadi berbeza daripada bahasa-bahasa yang ada kaitan dengannya. Tetapi apabila budaya China diperkenalkan ke dalam budaya Jepun, bahasa China telah merubah bahasa Jepun. Kebanyakan perkataan daripada bahasa Jepun iaitu sebanyak 60% adalah berasal daripada bahasa China.

Apabila sistem penulisan diperkenalkan pada awal kurun ke 8, peranan bahasa di dalam membina peradaban orang Jepun makin berkembang. Hasil-hasil penulisan pensejarahan(kronikel) dan sastera di zaman Nara giat dijalankan. Di antara hasil-hasil penulisan pensejarahan di zaman Nara adalah *Kojiki (Rekod Perkara-Perkara Purba)* yang disiapkan pada 712 adalah antologi mitos, legenda dan cerita-cerita rakyat. *Nihon shoki (Kronikel Jepun)* yang selesai ditulis pada 720 yang merupakan projek kerajaan pada ketika itu adalah rekod krinikel sejarah. Manakala *Fudoki (Rekod Angin dan Bumi)* yang disusun oleh pegawai-pegawai wilayah bermula pada 713 menerangkan sejarah, geografi, bahan-bahan pengeluaran dan cerita rakyat daerah-daerah.

Hasil-hasil sastera adalah seperti *Manyoshu (Kompilasi Sepuluh Ribu Dedaun)* adalah merupakan antologi 4500 puisi yang dikarang oleh pelbagai pengarang daripada orang biasa kepada maharaja yang siap disusun pada 759. Pada 905 *Kokin Wakashu* atau

Kokinshu (Kumpulan Puisi Dari Zaman Purba Dan Zaman Modern) telah diterbitkan sebagai antologi puisi yang pertama di bawah arahan maharaja.

Tetapi bermula daripada pertengahan abad ke 9, perhubungan kebudayaan dengan negara China mengalami perubahan yang mendadak. Penekanannya bukan lagi kepada peminjaman unsur-unsur budaya China tetapi mengasimilasi dan menyesuaikan apa yang dipinjam supaya dapat mengekalkan jati diri dan citarasa mereka sendiri. Oleh yang demikian pada 960 AD perhubungan dengan negara China ditamatkan maka dari pertengahan zaman Heian, budaya Jepun telah diberikan imej baharu.

Ini dapat dilihat apabila senarai tulisan Jepun atau *kana* telah dicipta hasil daripada penyesuaian terhadap tulisan kanji. Tulisan yang dicipta ini terdapat dalam dua bentuk iaitu *hiragana* dan *katakana*. Tulisan kana ini telah memberangsangkan perkembangan puisi (*waka*), prosa dan penulisan-penulisan sejarah dan karangan. Di antaranya *Genji monogatari (Hikayat Genji)* adalah sebuah novel 54 bab yang dikarang oleh Murasaki Shikibu, *Makura zoshi (Buku Bantal)* susunan catatan dan esei oleh Sei Shonagon, *Tosa Nikki (Tosa Dairy)*, *Takekoto Monogatari (Hikayat pemungut buluh)*, *Ise monogatari (Hikayat Ise)* dan *Konjaku monogatari (Hikayat Masa yang telah berlalu)* adalah tulisan mengenai cerita-cerita dari negeri India, China dan Jepun sendiri yang kaya dengan penulisan tentang kehidupan keluarga bangsawan dan orang biasa. Walaupun dari pertengahan zaman Heian pengaruh China dan Korea dihentikan namun pengaruh yang dimainkan oleh bahasa China dalam perubahan bahasa Jepun amat ketara

sekali. Hingga kini juga bahasa Jepun masih menggunakan tulisan China (*kanji*) disamping huruf-huruf kana untuk menulis.

1.3.2.3. Zaman Kesyogunan

Bahasa dan tulisan terus memainkan peranan dalam perkembangan bahasa Jepun berterusan ke zaman Kamakura – Muromachi di mana beberapa hasil penulisan ditemui. Di antaranya ialah *Heike monogatari (Hikayat Heike)* yang mengisahkan pergelutan di antara keluarga Taira (*Heike*) dengan keluarga Minamoto (*Genji*) yang telah siap ditulis dan disusun pada bahagian awal kurun ke 13. Terdapat juga hasila-hasil puisi seperti *Shin Kokin Wakasu (Kumpulan Baru Puisi dari zaman Purba dan Moden)* yang siap pada waktu yang sama.

Hasil penulisan daripada para sami juga banyak terhasil pada zaman ini. *Hojoki (Kisah Teratakku)* oleh Kamo no Chomei dan *Tsurezuregusa (Esei tentang kebosanan)* oleh Yoshida Kenko di mana kedua-dua tulisan ini menyoal pertolongan spiritual. *Shobogenzo (Harta Mata Dharma yang Benar)* adalah hasil penulisan teks Buddha yang pertama dalam bahasa Jepun oleh kumpulan pemikiran Zen. Seterusnya adalah hasil rekod sejarah 50 tahun tentang pergelutan kuasa dua kumpulan di istana iaitu *Taiheiki (Kronikel Zaman Aman yang Hebat)*. Penulisan drama Noh juga terhasil di zaman ini dengan *Fushi Kaden (Pancaran bunga dalam gaya berlakon)* oleh Zeami.

Zaman selepas Muromachi adalah zaman kegelapan kepada perkembangan bahasa dan sastera sehinggalah ke zaman Edo di mana pada zaman ini fungsi

kesusasteraan sebagai alat sosial jadi meluas. Matsuo Basho yang telah mencipta *haiku* iaitu puisi yang mengandungi 17 syllables. Pada zaman ini penduduk-penduduk bandar dan para saudagar menyokong aktiviti kesenian lantas menggalakkan kewujudan pengiat-pengiat seni. Dua tokoh utama dalam bidang karangan ialah Ihara Saikaku yang menulis dengan tepat tentang kehidupan golongan saudagar di Osaka dan Chikamatsu Monxaemon yang menulis *yoruri* iaitu satu bentuk bercerita dengan lagu. Beliau juga mencipta drama *kabuki* yang mana skrip-skrip drama ini banyak diciptanya sendiri berdasarkan kepada pengalamannya. Seorang lagi ahli haiku ialah Yosa Buson dan Ueda Akinari seorang penulis fiksyen yang menulis kompilasi cerita yang di panggil *Ugetsu monogatari*.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa peranan yang dimainkan oleh bahasa melalui medium tulisan telah banyak membantu membina dan meningkatkan peradaban Jepun dengan terhasil begitu banyak hasil-hasil penulisan.